

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nyatakan jika kementerian anda akan meningkatkan bilangan kerani untuk membantu guru-guru sekolah kepada nisbah 1:10.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian yang utama terhadap inisiatif menangani beban tugas guru. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2019 KPM telah meluluskan sebanyak 10 inisiatif menangani beban tugas guru. Berkaitan dengan cadangan menambah nisbah kerani atau Anggota Kumpulan Pelaksana, KPM ingin memaklumkan bahawa pewujudan jawatan Anggota Kumpulan Pelaksana kategori Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di sekolah adalah berdasarkan kepada norma perjawatan yang telah ditetapkan dengan mengambil kira saiz sekolah dan enrolmen murid. Kementerian walau bagaimanapun akan meneliti norma perjawatan dari semasa ke semasa berdasarkan Dasar Norma Perjawatan yang ditetapkan oleh Agensi Pusat.

Untuk makluman, selain Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) terdapat beberapa kategori jawatan Anggota Kumpulan Pelaksana lain yang telah diwujudkan di sekolah iaitu Pembantu Tadbir (Kewangan), Pembantu Makmal, Penyelia Asrama, Pembantu Pengurusan Murid dan Pemandu.

KPM ingin menyampaikan rasa penghargaan kepada semua guru di Malaysia yang sentiasa menganggap tugas mendidik sebagai amanah dan bukan sebagai beban demi kemenjadian murid dan pembangunan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.